

TUN SYED NASIR : Patriot Bangsa Berdedikasi

Penulis:

Khairul Azman Mohd. Suhaimy¹, Mohd. Halim Irwan Ibrahim²,
Zamri Noranai³, Asri Selamat⁴, Shakila Ahmad⁵

Emel:

khairula@uthm.edu.my¹, mdhalim@uthm.edu.my²,
zamrin@uthm.edu.my³, asri@uthm.edu.my⁴, shakila@uthm.edu.my⁵

Abstrak: Tun Syed Nasir Syed Ismail (1921-1982): Patriot Bangsa Berdedikasi tokoh dalam penulisan ini yang merujuk kepada sejarah perjuangan bahasa, ilmu pengetahuan, pendidikan dan nilai-nilai keislaman dalam kehidupan masyarakat Malaysia. Syed Nasir, nakhoda DBP, pelopor Musabaqah Membaca Al-Quran dan penggerak penubuhan UKM. Beliau adalah legenda dalam sejarah perjuangan bahasa Melayu apabila rakyat memberikan gelaran “Panglima Bahasa”, satu pengiktirafan apabila berjaya menyelesaikan masalah politik dan sosiologi berkaitan bahasa dalam tahun 1957-1967. Namanya sudah pasti diingat dan terpahat dalam sejarah penubuhan UKM dan kejayaan menganjurkan Musabaqah Membaca Al-Quran di negara ini. Tiada kata yang dapat menggambarkan jasa dan pengorbanannya terhadap bangsa dan negara. Baktinya terpahat dengan jitu. Jasanya kukuh dan sumbangan kebajikannya berterusan. Maruah dan martabat bangsa sentiasa dipertahankan. Amanatnya sentiasa diingat dan dilaksanakan. Oleh itu, sejarah tidak harus melupakan jasa dan sumbangan negarawan ini dalam pembangunan negara tercinta, Malaysia.

Kata Kunci: Sejarah, pendidikan, politik, negarawan, pembangunan

TUN SYED NASIR

Patriot Bangsa Berdedikasi



Khairul Azman Mohd Suhaimy
Mohd Halim Irwan Ibrahim
Zamri Noranai
Asri Selamat
Shakila Ahmad


**Penerbit
UTHM**

TUN SYED NASIR



Patriot Bangsa Berdedikasi

Khairul Azman Mohd Suhaimy
Mohd Halim Irwan Ibrahim
Zamri Noranai
Asri Selamat
Shakila Ahmad


**Penerbit
UTHM**
2022

Sidang Pengarang

Ketua Pengarang
Khairul Azman Mohd Suhaimy

Pengarang

Mohd Halim Irwan Ibrahim
Zamri Noranai
Asri Selamat
Shakila Ahmad
Jamil Abd Baser
Mokhatar Mohamed
Ahmad Hamdan Ariffin
Riyaz Ahmad Mohamed Ali
Shahrul Azmir Osman
Mohamad Shahrir Abdul Mutalib
Abu Hanifa Abu Mukhtar
Suhairi Ismail
Fadel Alwi
Yazilah Mohd Yazir
Norlin Bistamam
Khairulakmal Kamaludin
Radin Dewistiawati Radin Mohamed
Saliza Samad
Ezuan Riza Mohamad Karis
Norazian Abdul Razak
Zavelin Tasri
Norhzali Omar

Jawatankuasa Pengarang MKP Pelajar Pembantu Felo

Wan Amirul Asyraf Mohd Hisham
(Ketua)
Nan Nurul Hidayah Megat Salleh
Norshafiqah Azizol
Mohd Jeffry Zainuddin
Syafiqah Saban
Muhammad Khairuddin Dawam
Johan Lela Andika Johan Budiman
Amirul Faiz Abdul Latif (Grafik)
Mohamad Farhan Izzuddin Mohamad
Napiah
Muhamad Fathi Yakan Zulkifli
Nurnajwa Fardiana Mohd Azhar
Nuridatul Syazwina Che Awang
Nur Shahila Mohd Zulkifli
Valarie Kaksing Baraok
Mohd Shazuan Safwan Abdullah
Mohamad Hashim Mohd Sabirin
Ahmad Nazrul Asyraff Azmi
Paggie Iko Nie Sani
Nur Aneesa Anuar
Susie Juenin

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2022

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Khairul Azman Mohd. Suhaimy

TUN SYED NASIR : Patriot Bangsa Berdedikasi / Khairul Azman Mohd Suhaimy, Mohd Halim Irwan Ibrahim, Zamri Noranai, Asri Selamat, Shakila Ahmad.

ISBN 978-967-2817-71-0

1. Syed Nasir Ismail, Tun, 1921-1982.

2. Authors, Malay--Malaysia--Biography.

3. Politicians--Malaysia--Biography.

4. Government publications--Malaysia.

I. Mohd. Halim Irwan Ibrahim. II. Zamri Noranai.

III. Asri Selamat. IV. Shakila Ahmad.

V. Judul.

928.9923

Diterbit & dicetak oleh:
Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 8698 / 8529
No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
E-mel: Pemasaran.uthm@gmail.com
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia
(MAPIM)

Isi Kandungan

<i>Sekalung Budi</i>	<i>xi</i>
<i>Setangkai Ingatan</i>	<i>xiii</i>
<i>Prakata</i>	<i>xv</i>
 <i>Bab 1</i>	
Latar Pemimpin Berdedikasi dan Cemerlang	1
 <i>Bab 2</i>	
Kecemerlangan dalam Kepimpinan Negara	23
 <i>Bab 3</i>	
Patriot Bangsa yang Berdedikasi	51
 <i>Bab 4</i>	
Pengabdian Seorang Negarawan	73
 <i>Bibliografi</i>	<i>99</i>
<i>Lampiran</i>	<i>105</i>
<i>Biografi</i>	<i>115</i>
<i>Indeks</i>	<i>121</i>

Dedikasi kepada

ALLAHYARHAM DR. HAJI JAMIL ABD BASER
PENGETUA KKTSN
2013-2015

ALLAHYARHAMAH DR. NOORZHARINA MOHD TADZA
FELO KKTSN
2016

ALLAHYARHAM SDRA AMINUDDIN YUSOF
PENOLONG PENGURUS ASRAMA KKTSN
2004-2006

&

ALLAHYARHAM SDRA MUHAMMAD KHAIRULNIZAM
MD YUSOF
MAJLIS KEPIMPINAN PELAJAR KKTSN
2019-2021

KOMITMEN DAN SUMBANGAN
DI KOLEJ KEDIAMAN TUN SYED NASIR
(KKTSN)

Sekalung Budi

Saya memanjatkan rasa bersyukur ke hadrat Ilahi di atas limpahan rahmat yang diberikan kepada kita semua. Saya juga mengalu-alukan penerbitan buku Tun Syed Nasir (1921-1982): Patriot Bangsa Berdedikasi bersempena dengan 25 tahun Kolej Kediaman Tun Syed Nasir (KKTSN) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Dengan penerbitan buku ini, UTHM telah berjaya menerbitkan buku yang bakal menjadi rujukan dan koleksi ramai pihak sama ada staf, pelajar, penyelidik, sejarawan dalam dan luar UTHM yang ingin mengetahui dengan lebih mendalam berkaitan Tun Syed Nasir dan sumbangan yang diberikan oleh beliau kepada negara dan rakyat Malaysia.

Tidak dapat dinafikan buku ini akan membuka ruang untuk memahami dasar pembentukan negara daripada perspektif Tun Syed Nasir seperti kepimpinan, perjuangan, perpaduan, kegetiran, kepayahan seorang pemimpin anak bangsa di awal zaman kemerdekaan. Melalui buku ini, kita sebagai rakyat Malaysia dapat menghargai pengabdian dan pengorbanan beliau dalam sejarah tanah air. Bak kata panel pengarang, sejarah tidak harus melupakan jasa negarawan ini, khususnya dalam merintis nilai-nilai yang menjadi dasar kepada amalan dan semangat patriotisme dalam kehidupan individu pada hari ini. Justeru, ini adalah sesuatu yang bertepatan dalam menghargai sumbangan beliau dalam sejarah kepimpinan dan pembangunan negara ini.

Tahniah dan syabas kepada Jawatankuasa Penerbitan Buku Tun Syed Nasir yang telah bertungkus-lumus dalam menghasilkan buku ini yang amat bermanfaat bagi seluruh warga UTHM khususnya dan luar UTHM amnya. Tidak dinafikan, pelbagai cabaran, rintangan dan kekangan yang terpaksa dilalui oleh Jawatankuasa Penerbitan Buku

Tun Syed Nasir dalam menyiapkan buku ini. Akhir kata, semoga penerbitan buku ini menjadi khazanah dan harta yang amat berharga dan bermanfaat pada masa depan dan buat rakyat Malaysia seterusnya.

Sekian.

Profesor Madya Sr Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim Ismail

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Setangkai Ingatan

Alhamdulillah... selaut kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan inayah-Nya serta izin-Nya dapat saya merakamkan seuntai kata dalam buku ini. Sekalung tahniah dihulurkan kepada panel penulis atas kesungguhan dan kejayaan dalam menghasilkan buku ini. Usaha-usaha ini dapat menambahkan bahan bacaan berkenaan dengan tokoh-tokoh yang berjasa kepada negara selama ini. Penerbitan buku bertajuk Tun Syed Nasir (1921-1982): Patriot Bangsa Berdedikasi dapat diterbitkan sebagai memenuhi keperluan bahan-bahan bacaan yang bakal mendapat tempat di hati pembaca-pembaca yang berminat dengan ketokohan anak Johor ini.

Penat lelah dalam menghasilkan penulisan ini memberi satu pengertian yang amat bermakna bagi saya. Ia dapat memberi teladan serta maklumat kepada generasi hari ini yang semakin melupakan tokoh-tokoh yang telah banyak menyumbangkan jasa kepada pembangunan negara. Di samping itu, penulisan ini dapat mencetuskan kesedaran kepada generasi hari ini bagi memartabatkan ketokohan Tun Syed Nasir dalam perjuangan beliau kepada negara ini. Beliau merupakan seorang tokoh terulung negara yang telah banyak menyumbang jasa dalam memartabatkan bahasa, budaya dan sastera Melayu, pendidikan tinggi, tokoh agama Islam, tokoh pentadbir dan birokrat, tokoh politik termasuk Speaker Dewan Rakyat yang disegani. Oleh itu, buku ini dapat menghidangkan banyak maklumat tentang tokoh yang terkenal suatu ketika dahulu.

Semoga buku ini menjadi perintis kepada generasi muda untuk mengenali Tun Syed Nasir secara lebih terperinci dan model kepimpinan seorang pemimpin yang tegas, berani dan bersemangat waja berteraskan Melayu-Islam. Akhir kata, sebagai Pengetua Kolej

Kediaman Tun Syed Nasir (KKTSN), besar harapan saya semoga buku ini akan memberi manfaat dan bimbingan kepada pembaca sekalian. Semoga amalan yang baik ini mendapat keredhaan Allah SWT.

Sekian.

Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Halim Irwan Ibrahim

Pengetua

Kolej Kediaman Tun Syed Nasir (KKTSN)

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Prakata

Syukur ke hadrat Ilahi dengan izin dan limpah kurnia-Nya, panel penulis dapat menyiapkan buku bertajuk Tun Syed Nasir (1921-1982): Patriot Bangsa Berdedikasi. Buku ini telah lama meniti proses penghasilan bermula era Desasiswa Dalam Kampus yang mendapat nama baharu iaitu Desasiswa Tun Syed Nasir pada 7 Julai 2006. Ia merupakan penginapan pelajar-pelajar UTHM sejak era PLSP, ITTHO atau KUiTTHO sehingga dikenali sebagai Kolej Kediaman Tun Syed Nasir dalam tahun 2007.

Penghasilan buku ini berkisar kepada tiga perkara iaitu;

- i. Penghargaan kepada tokoh ini apabila namanya diabadikan kepada Kolej Kediaman Tun Syed Nasir (KKTSN), kolej kediaman yang paling awal penubuhannya, seusia dengan UTHM.
- ii. Penghormatan Perdana Menteri Malaysia keempat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada tokoh ini yang menyebut Tun Syed Nasir sebagai “dedicated patriot” (New Straits Times, 1982), termasuk Profesor Diraja Ungku Aziz yang menerangkan beliau adalah pejuang dalam meninggikan taraf bahasa Melayu di negara ini (Universiti Malaya, 1982).
- iii. Pelopor perjuangan apabila Tun Syed Nasir di antara tokoh tanah air yang paling awal mengungkap kata-kata keramat “...perjuangan kita belum selesai...” (Dewan Bahasa, 1982).

Tun Syed Nasir (1921-1982): Patriot Bangsa Berdedikasi, tajuk yang menjadi sumber dalam menjelaskan perjuangan dan pengorbanan tokoh ini. Beliau adalah rujukan terbaik untuk melahirkan pemimpin berkarakter yang mempunyai semangat patriotik yang tinggi, berdedikasi serta komited dalam melaksanakan tanggungjawab dengan

penuh iltizam demi kepentingan negara. Oleh itu, sejarah tidak harus melupakan jasa negarawan ini dalam pembangunan negara tercinta ini.

Panel pengarang berhadapan dengan kesukaran mendapatkan maklumat berkaitan tokoh ini. Namun begitu, penghasilan buku ini telah dikemas kini apabila dapat mengadakan pertemuan dengan waris-waris beliau dalam menjadikannya sebagai rujukan yang diyakini. Penghasilan ini adalah usaha awal dalam menghargai sumbangan tokoh-tokoh negara khususnya daerah Batu Pahat, Johor. Akhir sekali, buku ini akan menjadi sumber bacaan bagi menghargai sumbangan tokoh-tokoh yang berjasa dalam pembangunan negara hari ini. Ucapan terima kasih ditujukan kepada barisan kepimpinan KKTSN bermula Pengetua, felo-felo dan staf-staf pentadbiran yang pernah berkhidmat di kolej ini dan tidak dilupakan kepada semua pihak yang terlibat dari pengumpulan, penulisan dan penerbitan buku ini. Selamat membaca. Sekian.

Profesor Madya Dr. Khairul Azman Mohd Suhaimy

Ketua Pengarang/ Felo, Kolej Kediaman Tun Syed Nasir
Dekan, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Penghormatan kepada Allahyarham Tun Syed Nasir Syed Ismail

LATE SPEAKER A PATRIOT, SAYS DR. MAHATAHIR MOHAMAD

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad today described the late Dewan Rakyat Speaker Tan Sri Syed Nasir Ismail as a “dedicated patriot”.

He said Tan Sri Syed Nasir was a patriot who had contributed significantly in the struggle to attain political stability, to uphold the purity of Islam and the sovereignty of the national language.

(New Straits Times, 1982)

PERDANA MENTERI: PEMERGIAN SATU KEHILANGAN

Dalam satu kenyataan, Perdana Menteri berkata, Allahyarham sebagai Yang Dipertua Dewan Rakyat telah menjalankan tugasnya dengan bijak dan adil.

Allahyarham juga telah banyak memberi sumbangan kepada kemajuan bahasa Malaysia dan perkembangan dakwah di negara ini. “Khidmat Allahyarham sangat disanjung tinggi dan akan sentiasa dikenang,” ujarnya.

(Berita Harian, 1982)

TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ

“Syed Nasir Ismail akan kekal dalam ingatan kerana kejayaannya menjadikan Musabaqah Membaca al-Quran, satu peristiwa antarabangsa dalam kehidupan umat Islam di seluruh dunia. Allahyarham ialah seorang yang paling sukar diganti dalam kegiatan keagamaan ini apabila menjadi Pengerusi Penganjur Musabaqah Membaca al-Quran untuk sekian lama.”

(Utusan Malaysia, 1982)

PROFESOR DIRAJA UNGKU AZIZ

“Kematian Allahyarham Tan Sri Syed Nasir sebagai kehilangan seorang ayah dalam kemajuan bahasa tanah air. Beliau adalah pejuang yang tidak boleh dilupakan jasa-jasanya terutama sekali dalam meninggikan taraf bahasa Melayu di negara ini.”

(Utusan Malaysia, 1982)

Petikan ucapan Tun Syed Nasir

“Kalau saya mempunyai kuasa, saya tidak bercakap dan menganjurkan sahaja tetapi saya akan bertindak. Dan sebagai seorang rakyat yang diberi tugas, saya yakin bahawa apa yang saya cakapkan dan saya anjurkan itu adalah berdasarkan kepentingan kebangsaan dan semangat Perlembagaan.” (Dewan Bahasa, 1964).

“Tidak ada gading yang tidak retak, tidak ada bumi yang tidak ditimpa hujan, tidak ada bukit yang tidak berkabus, tidak ada laut yang tidak bergelombang, sebaliknya yang retak itulah gading dan yang bergelombang itulah laut.” Beliau berpegang kepada ungkapan, “kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai.” Begitulah orang perjuangan seperti Tun Syed Nasir.” (Abdul Samad Idris, 1996).

Bahasa Kebangsaan sebagai Alat Pemikiran Manusia Moden.

“...kita jadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa sains dan ilmu pengetahuan.” (Ucapan pada Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan, 1965).

Maju Bangsa Majulah Bahasa.

“Kemajuan sesuatu bahasa adalah usaha bangsanya sendiri memperjuangkannya. Berbagai-bagai liku jalan yang ditempuhi datuk nenek kini dalam perjuangannya menegakkan kedaulatan bahasa kita sehingga bahasa kita hidup hingga hari ini.” (Ucapan pada Majlis Pembukaan Dewan Peruda, Tebing Tinggi, Selama, 1961).

“Sistem demokrasi boleh dengan mudah menjadi “korup” apabila ukuran yang dipakai semata-mata berdasarkan fikiran atau pendapat umum yang mungkin tidak terlatih dan tidak matang. Satu perkara yang tidak dapat dinafikan bahawa keremajaan masyarakat kita bererti keremajaan pendapat umum kita dalam beberapa hal. Maka memakai pendapat umum semata-mata sebagai ukuran untuk menguji sesuatu kebenaran dalam masyarakat seperti masyarakat kita ini akan membawa

kemungkinan yang buruk pula. (Ucapan pada Majlis Perasmian Persidangan Penulis-penulis Muar, 1967).

Pemimpin-pemimpin disyorkan sampaikan khutbah Jumaat.

“Adalah merugikan jika mereka yang sentiasa berada di barisan hadapan setiap lapangan mengundurkan diri dalam kegiatan agama dan kebajikan, sedangkan dalam kalangan mereka ramai yang ada kebolehan berceramah, bersyarah dan sebagainya tetapi kenapa tidak sanggup berdiri atas mimbar untuk berkhutbah kepada umum.” (Syed Nasir Syed Ismail, 1979).

“Masyarakat Melayu kita sudah terdidik dengan sikap *“patronizing”* pihak penguasa sehingga melemahkan kekuatan intelek dan spiritual kita untuk membentuk peribadi yang kuat dan berdisiplin. Kemerdekaan di bidang politik perlu mencetuskan pula kemerdekaan dalam alam fikiran. Dengan demikian, sikap *“patronizing”* dan jiwa yang terjajah, mental yang terjajah dapat dihapuskan. Ini adalah matlamat yang menjadi pedoman dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dirancang oleh kerajaan agar bangsa kita dapat mengadakan perubahan cara pemikiran supaya kemajuan bangsa kita sejajar dengan pencapaian bangsa-bangsa lain di negara ini.” (Syed Nasir Syed Ismail, 1978).

“Apa yang membimbangkan kita sekarang dan juga generasi kita yang akan datang ialah kemunculan konsep *“new morality”* dalam sikap hidup dan amalan sesetengah golongan dalam masyarakat. Sesuatu yang dianggap mungkar dari sisi Islam dan juga akhlak umum sudah dianggap sebagai sesuatu yang biasa pula. Kita juga perlu melaksanakan tanggungjawab kita sebagai manusia yang berpendidikan tinggi untuk menyedarkan mereka tentang bahaya-bahaya *“new morality”* dalam kehidupan kita sehari-hari, khususnya ekonomi dan sosiobudaya yang cuba menghancurkan nilai-nilai kekeluargaan, keagamaan dan kesejahteraan negara.” (Syed Nasir Syed Ismail, 1978).

Syed Nasir (1961) menegaskan bahawa “...jika kita benar-benar hendak berdiri sebagai satu bangsa yang kuat dan bersatu padu maka semangat kemegahan kebangsaan itu mestilah kita tanamkan kukuh dalam jiwa kita. Sebaliknya, kalau kita masih juga hendak hidup dengan semangat perkauman masing-masing, masih juga hendak

mencari helah perkauman dengan mengatakan bahawa kononnya bahasa kebangsaan itu akan merugikan atau melemahkan kedudukan bahasa kaum masing-masing maka nyatakanlah kita tidak bercita-cita hendak hidup sebagai satu bangsa yang kuat dan bersatu padu dalam negara yang kecil ini. Semangat yang seperti itu tiada bezanya dengan semangat hamba zaman penjajahan terdahulu.” (Syed Nasir Syed Ismail, 1961).

Tun Syed Nasir



Allahyarham Tan Sri Dato' Syed Nasir Ismail



Renungan

Bak irama dan lagu, landskap politik sesebuah negara dan persekitarannya tidak terpisah daripada gaya dan pembawaan kepimpinan. Malah watak, karakter, keperibadian, ketrampilan, pengaruh, kewibawaan, keabsahan, karisma atau legasi seseorang pemimpin itu membentuk “acuan-acuan” bagi “mewajahkan” para pengikut, penyokong dan sesiapa sahaja yang akan bersama-sama dalam ideologi kepimpinan mereka. Ada ketika pemimpin mencapai tahap kultus, diagung dan didevakan tanpa cacat cela atas ketaksuban perjuangan mereka. Hari ini dan akan datang dunia kepimpinan telah berubah dengan cepat apabila meninggalkan impak besar hasil daripada perbuatan, tindakan atau apa-apa yang diperbuat oleh sekelompok insan bernama **PEMIMPIN**.

PM Dr. Khairul Azman Mohd Suhaimy
Kolej Kediaman Tun Syed Nasir
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada

DATO' SYED MUHAMMAD TUN SYED NASIR

SHARIFAH HUSNA TUN SYED NASIR

SHARIFAH KHADIJAH SYED ABU BAKAR

ADI SYAHID MOHD ALI

NURUL AIMI RAZALI

MUHAMAD HELMY SABTU

LAI CHEE FUNG

MANTAN

TIMBALAN NAIB CANSELOR

HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI (HEPA)

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PROFESOR DR. AMIR HASHIM MOHD KASSIM

PROFESOR MADYA DR. ASRI SELAMAT

PROFESOR MADYA DR. AFANDI AHMAD

SUMBANGAN DALAM PEMBANGUNAN PELAJAR

DI HEPA, FAKULTI, KOLEJ KEDIAMAN DAN UNIVERSITI

1

Latar Pemimpin Berdedikasi dan Cemerlang

Latar Belakang dan Pendidikan

Tun Syed Nasir bin Syed Ismail dilahirkan di Bandar Penggaram, Batu Pahat, Johor pada tanggal 7 Mac 1921. Ayahnya, Syed Ismail bersaudara sepupu dengan Sultan Siak Sri Inderapura, salah satu keluarga bangsawan di Sumatera, Indonesia. Tun Syed Nasir (selepas ini ditulis Syed Nasir) berkongsi hidup dengan penuh kebahagiaan dan kasih sayang selama 36 tahun bersama Toh Puan Sharifah Aishah binti Syed Mohamad dan dikurniakan seramai 10 orang cahaya mata iaitu lima orang putera dan lima orang puteri. Di antaranya, Sharifah Saidah, Syed Alwi, Syed Mohd Yusof, Sharifah Bahyah, Sharifah Husna, Sharifah Fatimah, Syed Muhammad, Syed Ahmad, Syed Ibrahim dan Sharifah Nawal (Syed Muhammad & Sharifah Husna, 2019).

Syed Nasir sejak di bangku sekolah lagi memperlihatkan cita-cita dan minat yang tinggi untuk menjadi seorang pendidik dalam erti kata yang luas. Beliau menyedari keadaan bangsa Melayu yang daif dalam serba serbi kehidupan yang perlu dibantu. Keprihatinan ini telah mencetuskan satu semangat waja untuk mengajak bangsa Melayu keluar daripada kepompong kedaifan tersebut. Beliau yakin untuk memajukan umat Melayu tiada jalan lain atau jalan singkat melainkan berusaha bersungguh-sungguh melakukan perubahan sikap dan minda, khususnya pelajaran. Perubahan sikap dan minda hanya akan tercapai dengan memartabatkan ilmu, memupuk idealisme kebangsaan dan memugar akhlak mulia dalam kalangan bangsa Melayu. Inilah yang dihasratkan oleh Syed Nasir bagi anak-anak bangsa Melayu untuk meneroka masa depan yang cemerlang di negara ini.

Syed Nasir mendapat pendidikan awal di Sekolah Inggeris Batu Pahat dan lulus peperiksaan Senior Cambridge pada tahun 1938. Pada tahun berikutnya, selama kira-kira dua tahun, beliau telah mengikuti latihan

2

Kecemerlangan dalam Kepimpinan Negara

Bab ini membicarakan peranan dan sumbangan Tun Syed Nasir (selepas ini disebut Syed Nasir) dalam tiga aspek utama yang menonjolkan siapakah beliau sebenarnya dalam kancah kepimpinan negara. Ketiga-tiga aspek ini dipilih sesuai dengan nama besar, perjuangan kental dan legasi dalam kehidupan yang ditinggalkan oleh Syed Nasir untuk renungan dan pedoman semua rakyat Malaysia hari ini. Tiga aspek tersebut ialah

- 2.1 Pendidikan Roh Kemajuan Bangsa dan Negara
- 2.2 DBP dan Tokoh Perjuangan Bahasa Melayu
- 2.3 Musabqah, Syiar Agama dan Budaya Keislaman

2.1 Pendidikan Roh Kemajuan Bangsa dan Negara

Syed Nasir menegaskan bahawa “Saya telah meninggalkan lapangan pendidikan dan pelajaran negara ini, sama ada sebagai pentadbir ataupun sebagai pendidik lebih kurang lapan tahun sejak saya mula menjadi Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Akan tetapi hati dan jiwa saya masih terus berhubung rapat dengan soal pelajaran anak-anak bangsa.” (Syed Nasir, 14 Ogos 1965). Ucapan beliau bertemakan “Pendidik: Pembentuk Generasi Berperibadi” yang jelas menekankan kepentingan pendidikan untuk masa depan generasi berkeperibadian mulia dan dihormati. Itulah Syed Nasir yang tidak menafikan kepentingan pendidikan dengan dirinya dan kemajuan untuk anak bangsa pada masa depan.

Beliau meneruskan tentang kepentingan pelajaran, “Saya menganggap pelajaran adalah satu-satunya jaminan hidup bangsa kita pada masa hadapan dan juga sebagai “senjata” yang boleh dibawa ke medan perjuangan dalam apa sahaja lapangan hidup kita. Saya telah

3

Patriot Bangsa yang Berdedikasi

Bab ini membicarakan tentang Tun Syed Nasir (selepas ini disebut Syed Nasir) sebagai “Patriot Bangsa yang Berdedikasi” sebagai tajuk kepada penulisan bab ini. Pemilihan kata patriot dan dedikasi akan diperjelaskan ciri dan unsur yang menjadi teras dalam penghuraian sikap, perwatakan, perjuangan dan pengorbanan beliau sebagai salah seorang negarawan yang disanjung. Kata patriot dan dedikasi menggambarkan dengan jelas perwatakan Syed Nasir sebagai seorang pendidik, pegawai awam, pentadbir, pejuang bahasa, ahli politik, agamawan, budayawan, sasterawan dan lain-lain dalam kehidupannya. Pemilihan kata-kata ini mewakili tema yang merujuk kepada rentetan peristiwa dan pemimpin berkarakter yang bersemangat patriotik tinggi, berdedikasi dan komited dalam melaksanakan tanggungjawab dengan penuh iltizam demi kepentingan negara.

Kata patriot merujuk kepada pencinta dan pembela tanah air, khususnya kepada pejuang bangsa yang mempunyai semangat, sikap dan perilaku cinta tanah air, di mana ia sudi mengorbankan segala-galanya bahkan jiwa sekalipun demi kejayaan, kemajuan dan kemakmuran tanah air melalui sikap-sikap positif. Mereka ini memiliki sikap-sikap seperti bangga akan pencapaian dan budaya bangsa, memelihara ciri-ciri bangsa dan dasar budayanya serta identiti bangsa yang mesti dipertahankan bersama-sama dalam kehidupan (Kamus Dewan, 2005). Oleh itu, patriot merupakan seorang yang membuat pilihan moral yang betul pada masa itu sebagai satu model yang baik untuk dicontohi pada masa depan. Justeru, Syed Nasir adalah contoh “patriot bangsa” yang merupakan model yang baik bukan sahaja dari segi sikap, karakter malah tindakan dan pencapaian yang membanggakan semua pihak di negara ini.

4

Pengabdian Seorang Negarawan

Tun Syed Nasir (selepas ini disebut Syed Nasir) adalah seorang negarawan. Beliau telah mengabdikan diri untuk agama, bangsa dan negara hingga ke hujung hayatnya. Pada petang 16 Mac 1982, Syed Nasir meninggal dunia sewaktu menjalankan tugas terakhirnya sebagai Speaker Dewan Rakyat. Obor perjuangan beliau sentiasa hidup dalam kenangan. Perjuangan bahasa dan sastera, pendidikan dan pelajaran, agama dan kehidupan, kepimpinan politik dan kerajaan sentiasa hidup dalam kenangan semua pihak yang mengenali beliau. Oleh itu, apa yang dilakukan oleh Syed Nasir bertepatan dengan istilah negarawan iaitu orang yang mahir benar dengan cara-cara pemerintahan negara; orang yang memegang tampuk pemerintahan sesebuah negara; ahli negara (Kamus Dewan, 1994). Malah kata-kata beliau juga dapat dijadikan sebagai renungan terhadap nilai-nilai kenegarawanannya dalam membangunkan negara ini.

Hari ini kita bercakap tentang isu masyarakat “korup” dalam kemajuan negara tetapi Syed Nasir telah menyebutkan perkara ini pada 4 November 1967 dalam ucapan perasmian Persidangan Penulis-penulis Muar (Syed Nasir, 1967). Beliau menegaskan “Bahaya lahirnya satu yang masyarakat “korup”, masyarakat yang tidak jujur, masyarakat yang tidak bertanggungjawab dan masyarakat yang bertopengkan demokrasi untuk kepentingan diri, golongan atau kaum masing-masing. Seluruh sistem demokrasi ini mungkin “korup” jika banyak orang daripada berbagai-bagai kalangan dan golongan tidak tahu, tidak sedar bahawa mereka mengamalkan sistem itu untuk kepentingan diri semata-mata.” (Syed Nasir, 1967: 79-80). Ini menunjukkan idea dan pandangannya yang lantang jauh ke hadapan, melangkaui zaman apabila beliau berani mengkritik pemimpin-pemimpin yang rakus dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.

Bibliografi

(n.d). (1982). Senada. Keluaran Khas. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi: Selangor.

(n.d). (2021, Jun 10). *Puisi*. Puisi Kabur Blogspot. [http:// puisikabur.blogspot.com](http://puisikabur.blogspot.com).

Abdul Samad Idris. (1996). *Koleksi Ucapan Tun Syed Nasir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Hussain. (1982, April 15). Dalam Kenangan: Panglima Bahasa yang Tegas dan Berani. *Dewan Masyarakat*, Jilid 20, Bil. 4.

Artikel. (1960, Disember 12). *Dewan Bahasa*.

Artikel. (1960, September 9). *Dewan Bahasa*.

Artikel. (1961, Februari 10). *Dewan Bahasa*.

Artikel. (1964, September 20). *Dewan Bahasa*.

Artikel. (1965, Mei). *Dewan Masyarakat*.

Artikel. (1969, April). *Dewan Masyarakat*.

Artikel. (1972, Jun). *Dewan Masyarakat*.

Artikel. (1978, Februari). *Majalah Dakwah*.

Artikel. (1978, Ogos). *Majalah Dakwah*.

Artikel. (1978, Oktober). *Majalah Dakwah*.

Artikel. (1979, Mac). *Majalah Dakwah*.

Artikel. (1982, April 1). *Dewan Budaya*.

Artikel. (1982, April 15). *Dewan Masyarakat*.

Artikel. (1982, April 15). *Dewan Sastera*.

- Artikel. (1982, Mac 18). *New Straits Times*.
- Artikel. (1982, Mac 22). *Berita Harian*.
- Artikel. (1982, Mei 15). *Dewan Sastera*.
- Artikel. (1999, Februari). *Dewan Siswa*.
- Artikel. (2011, Jun 19). *Mingguan Malaysia*.
- Artikel. (2011, Jun 19). *Mingguan Malaysia*.
- Artikel. (2019, Februari 24). *Mingguan Malaysia*.
- Belajar dari yang lampau, memandang pada yang baik. (2021, Januari 3). *Mingguan Malaysia*.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2019). Gambar Penghormatan Kepada Tun Syed Nasir Syed Ismail.
- Farid M. Onn (1996). *Koleksi Ucapan Tun Syed Nasir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. (1996). *Koleksi Ucapan Tun Syed Nasir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasyuda Abadi. (2015, Ogos). *Menoleh Kebangkitan Keranda 152*. Hasyuda Abadi Blogspot. <http://hasyuda-abadi.blogspot.com/2015/08/menoleh-kebangkitan-keranda-152>.
- Johan Jaaffar. (1982, April 1). BALASUNGKAWA: Tan Sri Dato' Dr. Syed Nasir bin Syed Ismail *Dewan Budaya*, Jilid 4, Bil. 4.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keranda 152 muncul semula demi bahasa Melayu. Perjuangan perkasa bahasa belum selesai. (2016. Februari 15). *Berita Harian*.
- Kolej Kediaman Tun Syed Nasir & Pejabat Pelajar Tanpa Asrama (KKTSN & PTA). (2019, April 9). *Kolej Tun Syed Nasir*. Kolej Kediaman UTHM. <http://kolejkediaman.uthm.edu.my/v1/index.php/kolej-kediaman/kolej-tun-syed-nasir>

- Koleksi Ucapan Tun Syed Nasir.* (1996). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mubin Sheppard. (1988). *Tunku. A Pictorial Biography 1957-1987.* Volume 2. Petaling Jaya, Selangor: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Noriah Mohamed & Ghazali Basri (2006). *Tun Syed Nasir: Menghimbau Jasa, Menjunjung Citra.* Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Perginya Pemikir Melayu Tersohor. Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz 1922-2020. (2020, Disember 16). *Utusan Malaysia.*
- Persatuan Linguistik Malaysia. (2002). *Bahasa Kita, Air Mata & Maruah Kita.* Kuala Lumpur.
- Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Tokoh Tersohor, Ikon Negara. (2020, Disember 16). *Berita Harian.*
- Sulaiman Daud. (1982, Mei 15). Syed Nasir dalam Kenangan. *Dewan Sastera*, Jilid 12, Bil. 5.
- Syed Muhammad Tun Syed Nasir. (2019, Mac 26). Temu bual. 2.00-4.30 petang. Plaza Low Yat, Off Jalan Bukit Bintang, Bukit Bintang Central, Kuala Lumpur.
- Syed Nasir Syed Ismail. (1961, Januari 21). *Maju Bangsa Majulah Bahasa. Ucapan pada Majlis Pembukaan Dewan Peruda, Tebing Tinggi Selama.*
- Syed Nasir Syed Ismail. (1963, Januari 15). *Bahasa Kebangsaan Sebagai Alat Pendidikan Masyarakat. Ucapan pada Persidangan Besar, Bulan Bahasa Kebangsaan 1963 di Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka.*
- Syed Nasir Syed Ismail. (1963, Ogos 10). *Kerjasama Serantau Melalui Satu Bahasa. Ucapan pada Majlis Penutup Bulan Bahasa Kebangsaan di Balai Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka.*
- Syed Nasir Syed Ismail. (1964). *Peranan Guru dan Pendidik dalam Mencapai Cita-Cita Nasional. Ucapan kepada Penuntut-Penuntut Tahun Akhir MPSI, Tanjung Malim.*

Syed Nasir Syed Ismail. (1964, Januari 3). *Drama Pembentuk Peribadi dan Daya Berfikir Kanak-Kanak dan Remaja. Ucapan pada Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Mengarang Drama Dewan Bahasa dan Pustaka di Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka.*

Syed Nasir Syed Ismail. (1965, Februari 26). *Penggunaan Bahasa Kebangsaan di Kalangan Anggota Pasukan Keselamatan. Ceramah kepada Penguasa-Penguasa Polis di Pusat Latihan Polis Diraja Malaysia, Kuala Kubu Bharu.*

Syed Nasir Syed Ismail. (1965, Jun 14). *Upacara Membaharui Ikrar Bulan Bahasa Kebangsaan di Maktab Perguruan Lembah Pantai.*

Syed Nasir Syed Ismail. (1965, Mei 6). *Bahasa Kebangsaan Sebagai Alat Pemikiran Manusia Moden. Ucapan pada Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan Tahun 1965 melalui Radio dan Televisyen Malaysia.*

Syed Nasir Syed Ismail. (1965, Ogos 14). *Pendidik: Pembentuk Generasi Berperibadi. Ucapan pada Perjumpaan Lembaga Pengurus Sekolah-Sekolah Kebangsaan Seluruh Kedah di Sungai Petani.*

Syed Nasir Syed Ismail. (1966, Julai 14). *Buku Sebagai Penyambung Budaya dan Pengasas Tamadun Bangsa. Ucapan pada upacara pembukaan Pameran Buku-buku Bahasa Kebangsaan di Kuantan.*

Syed Nasir Syed Ismail. (1967, Julai 27). *Sepuluh Tahun DBP: Kejayaan dan Harapan. Ucapan pada Majlis Perasmian Perayaan Sepuluh Tahun Dewan Bahasa dan Pustaka.*

Syed Nasir Syed Ismail. (1967, November 4). *Peranan dan Tanggungjawab Penulis Hari Ini. Ucapan pada Majlis Perasmian Persidangan Penulis-Penulis Muar.*

Syed Nasir Syed Ismail. (1969). *Bagaimana Saya Mengadakan Kegiatan Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.* Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Syed Nasir Syed Ismail. (1969, Februari 1). *Laporan Universiti*

Kebangsaan Malaysia. Pengerusi, Jawatankuasa Penaja, Universiti Kebangsaan dalam Kongres Universiti Kebangsaan. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Syed Nasir Syed Ismail. (1969, Februari 1). *Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka. Ucapan di Radio Malaysia tentang Dewan Bahasa dan Pustaka dan Peranannya Selama Ini.*

Syed Nasir Syed Ismail. (1969, Julai 21). *Bahasa Sebagai Alat Perpaduan Kebangsaan. Ucapan di Radio Malaysia tentang Bulan Bahasa Kebangsaan.*

Syed Nasir Syed Ismail. (1978, Julai 1). *Ucapan Penerimaan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan di Majlis Konvokesyen Keenam Universiti Kebangsaan Malaysia di Dewan Besar UKM, Bangi.*

Teo Kok Seong. (2020, Disember 16). Perginya Pemikir Melayu Tersohor. *Utusan Malaysia.*

Toto Tasmara. (2014). *Spiritual Centered Leadership*. Jakarta: Gema Isnani.

Tun Abdul Razak, 1967 Defining Governance. (2017, Januari 8). *Mingguan Malaysia.*

Tunku Turut Rasa Terharu. (1982, Mac 17). *Utusan Malaysia.*

Unit Arkib. (2019). *Dewan Bahasa dan Pustaka.*

Universiti Kebangsaan Malaysia. (2002). Bahagian Koleksi Arkib dan Khas, Perpustakaan Tun Seri Lanang. Bangi.